



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 48. RABU 30 November, 1966.

1386 رابو 16 شعبان

PERCHUMA

PERADUAN MEMBACHA AL-QUR'AN SA-NEGERI BRUNEI

MEMPEROLEHI KEJAYAAN

BANDAR BRUNEL. — Peraduan Membacha Al-Qur'an Kejohanan Sa-Negeri Brunei kali yang ke-VII untuk memilih tiga orang wakil Negeri Brunei (dua orang lelaki dan sa-orang perempuan) ka-Pertandingan Membacha Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa di-ibu kota Malaysia Kuala Lumpur dalam bulan Ramadhan akan datang ini,

telah di-mulakan pada malam 24 dan 25 November 1966 — dua malam berturut2. Dan pada malam 26 November 1966, di-adakan upacara menyampaikan hadiah2 dan sijil2 kepada pemenang2 oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-

Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Duli Yang Maha Mulia dalam titah ucapan Baginda antara lain bersabda "Nam-pak-nya Qari2 dan Qariah2 telah menunjukkan pembacha'an yang bertambah baik dari sa-tahun ka-sa-tahun dan minat kapada mempelajari Al-Qur'an pun sa-makin pesat dan berkembang, serta sambutan ramai pun sa-makin menggalakkan. Ini membayangkan bakti kemajuan telah di-chapai, ia-lah hasil usaha mempelajari Al-Qur'an sa-chara mendalam."

Sa-terus-nya Baginda mengucapkan tahniah kapada para peserta dan pehak penganjor peraduan ini. Baginda berseru agar bukan hanya mempelajari dan memperbaiki bacha'an ayat2 suchi Al-Qur'an itu, tetapi akan dapat mengkaji isi2 kandungan Al-Qur'an supaya dapat di-selidiki dan di-amalkan. Hikmat2 dalam perbendahara'an Al-Qur'an itu ada-lah dasar utama dalam menuju hidup yang berbahagia di-dunia dan di-akhirat. Sa-bagai mana firman

tuhan yang maksud-nya — 'Tuntut-lah Kemulia'an di-Akhirat dan Jangan Pula di-Lupakan Kebahagia'an di-Dunia."

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dalam ucapan beliau telah mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia, antara lain-nya beliau mengucapkan terima kaseh yang tidak terhingga kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kerana sukachita menyampaikan titah ucapan dan hadiah2 kepada pemenang2.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata lagi bahawa sejak Peraduan Membacha Al-Qur'an ini di-jalankan dua malam berturut2, mutu2 bacha'an Al-Qur'an bertambah maju, baik dari segi lagu maupun hukom2 tajwid-nya. Ini ada-lah kenyata'an yang per-kem-ba-ng-a-n pembacha'an ayat2 suchi Al-Qur'an itu bertambah maju dari masa ka-sa-masa. Ini juga ada-lah berkat pertunjuk dan arahan2 dari Duli Yang Maha Mulia

LIHAT MUKA 8



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan Tizkar kepada Dayang Damit binte Mohd. Yusof yang telah berjaya menyandang gelaran sa-bagai Johan Qari'ah dalam Peraduan Membacha Al-Qur'an Sa-Negeri Brunei tahun ini. Upacara itu telah di-adakan di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 26 November, 1966.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan Bendera Negeri Brunei kepada Wakil rombongan Pengakap dari Negeri Brunei seramai 12 orang yang akan menghadiri Jambori Pengakap Malaysia di-Pulau Pinang mulai pada 4 Disember hingga 10 Disember. Upacara tersebut telah di-adakan di-Lapangan Terbang Bera-kas Brunei pada pagi hari Sabtu yang lalu sa-belum rombongan itu berlepas dengan kapal terbang ka-Jesseltan dalam perjalanan mereka ka-Pulau Pinang.

PELAJARAN DEWASA UGAMA

DEWASA ini negeri kita, maamor dengan api elektrik dan sekarang sedang dalam ranchangan yang sebesar2-nya untuk ka-kampung2 dan ka-bandar2, balai raya makin bertambah2 banyak, doktor untuk merawat orang2 yang berhajatkan rawatan sentiasa berulang alek ka-hulu2 dengan helikopter, jalan2 raya kechil banyak di-bena untuk kemudahan2 orang kampung membawa dagangan-nya, dan hasil tanaman2 ka-Pasar Minggu di-Brunei dan Tutong. Jam-batan2 sudah banyak diganti bagi lalu lintas orang ramai dari satu tempat ka-satu tempat. Sekolah2 rendah, Menengah bahagian Melayu dan Ugama, Maktab Perguruan Ugama, Maktab Perguruan Melayu, dan lain2 ranchangan pembukaan hendak di-dirikan tidak berapa lama lagi.

Di-bidang Ugama pula, telah di-dirikan masjid2, surau2, balai2 di-kampung2 untuk kemudahan raayat beribadat kapada Allah. Di-samping itu Pelajaran Ugama Dewasa di-tubuhkan untuk memberi peluang raayat belajar perkara Ugama.

Pelajaran ada-lah alat kemajuan sa-suatu negara. Pelajaran juga asas hidup manusia. Jarang negeri2 di-dalam dunia ini yang berjaya memenohi kehendak raayat-nya di-dalam segi Pelajaran.

oleh
(AWANG AHMAD BIN HAJI RAMLI)
Di-Keluarkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam
Brunei

Ada pun negara kita ini yang di-bawah pemerintahan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan sangat2 menitik beratkan di-dalam bidang kemajuan pelajaran mau pun pelajaran yang berkaitan dengan hal ehwal kehidupan dunia atau pun pelajaran yang mengenai perkara Ugama Islam.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengarahkan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato' Paduka Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei menubuhkan kelas2 Pelajaran Ugama Dewasa di-dalam negeri ini.

HASIL USAHA PENGETUA

Al-hamdulillah, dengan berkat usaha2 Yang Amat Mulia Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama demi untuk melaksanakan ranchangan Pelajaran Dewasa Ugama, telah mendapat perhatian dan sambutan raayat jelata negeri ini.

Dengan ada-nya semangat perpaduan yang di-bentok oleh Pelajaran Ugama Islam, maka bertambahlah erat lagi kaseh mesra, hormat menghormati, perasaan saling mengerti dan timbul rasa persafahaman di-antara sa-orang dengan

lain. Kira-nya sa-tiap pelajar berjaya berbuat demikian maka Insha Allah, akan terhindar-lah masyarakat seperti itu dari perpechahan, dan pergolakan yang mana perkara2 itu merugikan masyarakat.

MENUNTUT ILMU

Menuntut ilmu Ugama Islam ada-lah satu keperluan bagi tiap2 sa-orang Islam baik laki2 maupun perempuan dari masa kanak2, apa lagi bila mereka sudah menjadi orang dewasa ke-

rana orang2 dewasa telah sampai had yang di-perwajibkan untuk berbuat ibadah kapada Allah.

Dengan ilmu pengetahuan Ugama juga selaku ibu bapa alat untuk mendidik anak2-nya dan keluarga2-nya ke-arah membentok sa-buah rumah tangganya yang penoh berpendidikan Ugama Islam yang tulen.

Ugama Islam menyuruh pemelok2-nya agar menuntut ilmu Ugama, selama mereka berada di-dunia sabagaimana kita berusaha menchari rezeki, makan, minum, menghisap udara untuk kepentingan tuboh.

LIHAT MUKA 3.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 30 November hingga ka-hari Selasa 6 Disember, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
30 Nov.	12.13	3.32	6.10	7.25	4.39	4.54
1 Dec.	12.15	3.34	6.12	7.26	4.41	4.56
2 Dec.	12.15	3.34	6.12	7.26	4.41	4.56
3 Dec.	12.15	3.34	6.12	7.26	4.41	4.56
4 Dec.	12.15	3.34	6.12	7.26	4.41	4.56
5 Dec.	12.15	3.34	6.12	7.26	4.41	4.56
6 Dec.	12.18	3.36	6.13	7.28	4.44	4.59

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Sa-bilangan daripada Pelajar2 Dewasa Ugama Daerah Brunei kelihatan dalam gambar ini semasa menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Kelas Dewasa tersebut baru2 ini. — GAMBAR BPUI.

PEPEREKSAAN BAHASA MELAYU UNTUK ORANG2 YANG BUKAN MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Bahasa Melayu untuk orang2 yang bukan Melayu akan di-jalankan pada 5, 6, dan 7 Disember, 1966 ia-itu bagi Tingkatan2 Permulaan, Satu, Dua dan Tiga.

Peperiksaan ini terbuka kepada orang2 yang bukan Melayu yang belajar di-Kelas2 Dewasa anjoran Jabatan Pelajaran Brunei.

Sharat2 memasoki peperiksaan ini ada-lah sa-bagai berikut:-

i. Chalon2 itu ia-lah sa-orang pelajar Kelas Dewasa dan mempunyai kedatangan persekolahan yang memuaskan.

ii. Chalon2 hendak-lah mendaftarkan nama-nya dengan mengisikan borang yang di-sediakan melalui guru yang mengajar dan mendapat sokongan mengenai kebolehan-nya daripada guru2 tersebut.

iii. Chalon2 yang hendak

memasoki Peperiksaan Tingkatan III, II atau I hendak-lah telah lulus mana2 tingkatan sa-belum-nya.

Memasoki peperiksaan ini tidak di-kenakan bayaran.

Tempat2 peperiksaan di-jalankan:-

i. Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah (RIF) atau Bangunan Baru Sekolah Melayu SMJA — untuk chalon2 di-Bandar Brunei.

ii. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin — untuk chalon2 di-Kuala Belait.

iii. Sekolah Melayu Mu-

hammad Alam — untuk chalon2 di-Seria.

Perkara2 yang akan di-peperiksa:-

A. Tingkatan Permulaan dan Tingkatan Satu:-

I. Bachaan Rumi; II. Rencana Rumi; III. Soal Jawab di-Mulut; IV. Bahasa dan Memaham Karangan; V. Karangan dan Surat Kiriman.

B. Tingkatan Dua dan Tiga:

I. Bachaan Rumi; II. Rencana Rumi; III. Bachaan Jawi; IV. Rencana Jawi; V. Karangan dan Surat Kiriman; VI Bahasa; VII Memaham Karangan; VIII. Soal Jawab di-Mulut.

Peperiksaan Kelas Dewasa Pelajaran Rendah

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Kelas Dewasa Pelajaran Rendah (Memberentas Buta Huruf) — 1966 akan di-adakan kepada semua peringkat ia-itu Permulaan, Menengah dan Tertinggi pada tarikh2 yang tersebut di-bawah:

2.12.1966 — Bachaan dan Rencana Jawi.

3.12.1966 — Bachaan dan Rencana Rumi.

10.12.1966 — Bahasa dan Kira2.

Peperiksaan ini ada-lah di-maksudkan kepada pelajar2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah yang belum memperolehi Sijil Kelulusan atau kenaikan peringkat pelajaran-nya.

Perkara2 yang termasuk dalam peperiksaan ia-lah: Bachaan Rumi, Rencana Rumi, Bachaan Jawi (Untuk Peringkat Menengah dan Tertinggi sahaja), Rencana Jawi (Untuk Peringkat Menengah dan Tertinggi sahaja), Bahasa dan Kira-Kira.

Peraduan Mentafsirkan Ayat2 Suchi Al-Qur'an

BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Mentafsirkan ayat2 suchi Al-Qur'an akan di-adakan pada hari Khamis malam Juma'at 29 Disember, 1966 jam 7.30 malam, bertempat di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei.

Peraduan ini ada-lah salah satu dari achara2 Majlis Sambutan Malam Memperingati Nuzul Al-Qur'an (turun-nya Al-Qur'an) di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Negeri Brunei.

Pengurus Peraduan ini, Al-Ustaz Mohammad Yusof 'Azam bin Haji Hashim memberi tahu bahawa peraduan ini ada-lah terbuka kepada sa-tiap pertubohan2, maktab2 dan badan2 sekolah sa-Negeri Brunei Sa-tiap pertubohan itu hanya di-benarkan menghantar wakil-nya sa-orang sahaja, sama ada lelaki atau perempuan.

Pertandingan ini akan di-adakan pemilehan, jika sa-kira-nya peserta2 bagi daerah Brunei/Muara melebihi tiga orang, Daerah Tutong sa-orang, Daerah Belait sa-orang dan Daerah Temburong sa-orang.

Pemohon2 bagi memasoki peraduan ini ada-lah di-kehendaki mengisikan borang yang telah di-sediakan dan mengembalikannya tidak lewat dari 10 Disember, 1966. Pemohon2 yang terlewat tidak akan di-layani.

PENERBITAN MAJALLAH "DUPA"

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei akan mengeluarkan Majallah Tahunan-nya, ia-itu Majallah DUPA pada awal bulan Disember ini.

Menurut Pemimpin Majallah Dupa itu, Awang Md. Abdul Latif, ini-lah julong2 kali S.M.M.P. mengeluarkan Majallah Tahunan-nya. Majallah ini ada-lah mengandungi intisari2 yang bermutu, ia-itu hasil daripada daya pemikiran para penuntut S.M.M.P. sendiri di-samping penulis2 jemputan.

Harga-nya ia-lah dua ringgit sa-naskah. Oleh kerana perchetakan Majallah Dupa di-hadkan, tegas beliau lagi, penuntut2 dan orang ramai yang sudi hendak membeli majallah itu ada-lah di-persilakan berhubung sa-berapa segera dengan Pemimpin, Badan Bahasa dan Persuratan, S.M.M.P. dengan mengirinkan wang-nya sekali.

PELAJARAN DEWASA UGAMA

DARI MUKA 2

Maka ta' ubah-nya menuntut 'ilmu, berusaha memberi makan akal, otak supaya dia subur, sama sains dengan kesuburan tuboh. Menuntut 'ilmu menambahkan lagi perdam-pingan kita kepada Allah.

Sejak projek Kelas Dewasa Ugama ini di-lancarkan sambutan rayat negeri ini, amat-lah memuaskan. Dalil-nya banyak permohonan2 untuk membuka Kelas2 Dewasa sentiasa di-terima. Sa-tiap bulan ada sahaja beberapa Kelas2 Dewasa Ugama di-buka, baik di-bandar maupun di-luar bandar.

Dengan ini, Jabatan Hal Ehwal Ugama menyeru agar semua Penghulu2, Ketua2 Kampong, Ketua2 pertubohan agar turut aktif membantu pelaksanaan Kelas2 Dewasa Ugama, dengan menubuhkan Kelas2 Dewasa Ugama, di-mana2 kampong, pertubohan2 yang belum tertuboh-nya Kelas Dewasa.

Untuk maaloman Penghulu2, Ketua2 Kampong, Ketua2 Pertubohan yang berkeinginan hendak membuka Kelas Dewasa Ugama, maka sila-lah berhubung dengan Pemangku Peperiksa Sekolah2 Ugama Tutong dan Belait bagi Daerah Tutong dan Belait.

Kemunchak dari usaha Yang Amat Mulia itu sejak Pelajaran Dewasa Ugama di-tubuhkan dalam tahun 1963 maka boleh-lah dikatakan telah beroleh kejayaan yang di-luar dugaan. Bukti-nya kini sudah ada 165 kelas2 yang sedang berjalan dengan lancar-nya yang ada bertaburan di-pelusok rantau tanah ayer. Para Pelajar-nya terdiri daripada laki2 dan perempuan Dewasa lebih daripada 6,000 orang.

TUJUAN-NYA

Perlu di-tegaskan ada-lah tujuan Pelajaran Ugama Dewasa ini di-tubuhkan dengan maksud hendak memberikan Pelajaran Ugama Islam kepada orang2 Dewasa laki2, perempuan2 di-dalam pelajaran Ugama Islam yang mana mereka itu telah tidak berpeluang belajar di-masa yang lalu.

Kedua mempertingkatkan darjah pengetahuan Ugama Islam di-kalangan rayat negeri ini di-mana terdapat rayat yang tidak berupaya untuk melanjutkan pengetahuan Ugama-nya.

Ketiga-satu rancangan memperkembangkan dan memperluaskan Pelajaran Ugama Islam kepada setiap rayat negeri ini yang terdiri dari pemuda pemudi, dewasa laki2 dan perempuan.

Pelajaran Dewasa Ugama ini pada garis besar-nya bergerak di-lapangan masharakat berhasrat menyampaikan pelajaran yang lebih tinggi yang bersifat memberi bekalan rohani kepada sa-tiap pelajar.

Kelas Dewasa Ugama, ada-lah memainkan peranan yang amat penting untuk menyatu padukan rayat2 yang beragama Islam dan yang tiada beragama Islam.

Pelajaran Ugama Dewasa juga sanggup memberikan asohan, didekan keugamaan yang mana nanti menimbulkan sifat rela memberikan khidmat bakti-nya kepada masharakat umomnya serta menumpahkan ta'at setia terhadap Kerajaan dibawah D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-samping bekerja sama2 memelihara keamanan, ke-maamoran negeri ini.

Hasil dari bersatu-nya pelajar2 Kelas Dewasa Ugama sering kali-lah terdapat di-mana2 ada-nya Kelas Dewasa Ugama, di-sana sini di-adakan Majlis2 Perayaan kerana Peraduan Koran, Berzanji, majlis2 menyambut hari kebesaran Ugama Islam saperti menyambut Hari Ulang Tahun Kelahiran Nabi Muhammad S.A.W., Majlis Isra' Me'raj dan majlis2 yang lain.

"PEMUDA-I LAH BAKAL PEMIMPIN PENGHUNI DUNIA PADA MASA AKAN DATANG"

--kata Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Hj. Mohamad Yusuf

"SA-BAGAI sa-orang bekas penaja Majlis Pemuda Pemudi di-Negeri Brunei ini, saya sangat megah dan bersukor kepada Allah kerana dapat bersama2 melihat kemajuan Majlis Pemuda-i Negeri Brunei ini terus berkembang dan menuju ka-arah kemajuan yang sa-mesti-nya belia2 hadapi dan chita2i." Demikian kata Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sa-belum beliau merasmikan pembukaan Seminar Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Pertama Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 25 November, 1966.

"Di-samping perasaan shukor saya ini, saya ingin mengucapkan tahniah saya kepada Pemimpin2 Majlis Pemuda-i Negeri Brunei yang telah berusaha terus dengan tidak menghiraukan masa dan tenaga mereka memajukan Majlis yang mulia ini. Dan saya berseru sa-moga tenaga dan perasaan yang sa-demikian ini yang sudah tertanam di-sanubari sa-tiap pemuda-i di-negeri ini akan terus tumbuh subur dan mendatangkan hasil yang berfaedah kepada negara kita ini," tegas beliau.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf menegaskan beliau penoh memperchayai bahawa para peserta Seminar tersebut menyedari akan tanggungjawab dan tugas mereka, "sa-bagai pemuda-i tanah ayer kita di-Brunei Darul Salam ini memang-lah berat tugas dan tanggungjawab pemuda-i, walau di-mana pun mereka berada, terutama sekali pada masa ini di-Brunei kita sedang hidup di-dalam ZAMAN PERUBAHAN — zaman perubahan yang serba chepat dan tepat mengikut keadaan dan masa.

Untuk menchapai chita2 kewajipan belia dalam menimbangkan tenaga mengikut peredaran zaman, sa-tiap belia hendak-lah berwaspada dan hendak-lah bersedia untuk memboktikan yang sa-benar2-nya bahawa belia ada mempunyai tanggungjawab dalam semua lapangan kemajuan yang di-idam2kan oleh sa-satu bangsa itu."

Selanjut-nya beliau berkata, "Dunia pada masa ini baik di-mana pemuda-i berada akan sentiasa mendapati pemimpin2 dunia me-laong2 berkehendakkan kebebasan dan keamanan, tetapi maseh ada di-sebalek pengharapan ini yang mendukachitakan harapan orang yang chintakan keamanan.

Kita di-Brunei ada-lah menchintai perdamaian, dalam menyertai pergolakan keadaan dunia pada masa ini kita pemuda-i di-Brunei, mari-lah kita berseru pemuda di-seluruh dunia ini harus-lah bersatu fikiran dan menjelaskan kepada dunia bahawa kita ada-lah pemuda yang chintakan keamanan kerana PEMUDA-I LAH BAKAL PEMIMPIN PENGHUNI DUNIA pada masa akan

datang. Jika pemuda dan pemudi di-seluruh dunia ini bertikad yang satu, dan berazam yang satu — azam yang mulia membenchi perbezaan, perpechahan dan peperangan, memboykotkan kekerasan, mengumfrantasikan superior complex, dengan ada-nya gabungan perasaan ini di-seluruh jiwa pemuda dan pemudi di-dunia tidak akan berjaya chita2 pemimpin2 dunia yang gilakan kekuasaan dan kachau bilau. Apa-bila dapat seluruh pemuda-i bersatu dalam zaman ini, kesudahan-nya saya penoh memperchayai kita akan sentiasa berada di-dalam aman dan bahagia.

Dalam pengharapan chita2 yang chintakan keamanan dan chintakan kebahagiaan hidup aman dan damai di-antara satu bangsa dengan satu bangsa di-seluruh dunia ini, pemuda-i mesti-lah sanggup memboktikan kepada pemimpin2 dunia bahawa dengan menggunakan kekerasan untuk menegakkan kekuasaan, ada-lah perjuangan yang sia2 dan jelaskan dengan amalan mulia kepada mereka bahawa BELIA2



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf.

DI-ZAMAN INI BUKAN LAGI BELIA2 SURONG PAPAN TAREK PAPAN, BUAH KERANJI DALAM PERAHU.....tapi kita ada-lah BELIA2 GENERASI BARU SUNGGOH PUN KITA TERUS RUMANTIS.

Dalam mensesuaikan diri pemuda-i bagi memboktikan chita2 kita sa-bagaimana saya sebutkan tadi, bahawa kita sa-tiap Warga Negara Brunei yang chintakan keamanan dan kebahagiaan dan hidup berbaik2 di-antara satu dengan lain di-seluruh dunia ini, jangan-lah mengingati bahawa perjuangan yang kita beri itu berkehendakkan sa-satu, tetapi perjuangan itu ada-lah merupakan sa-tu kewajipan yang mesti kita tunaikan, bukan hanya terhadap bangsa dan tanah ayer kita sendiri, tetapi faedah keamanan seluruh dunia. Untuk ini, izinkalah saya megutip sa-buah ayat yang mengandongi hikmat dari mendiang President Kennedy di-Amerika Sharikat yang berbunyi, "Ask not what your country can do for you; but what you can do for your country." Saya harap kata2 hikmat ini akan dapat menjadikan panduan pemuda-i dalam membokti-

ka tugas mereka terhadap Negara dan Bangsa."

Beliau juga telah mengucapkan terima kasih kepada pemuda-i itu sekalian atas kesudian menjemput beliau ka-majlis tersebut dan dan berseru; "Ikut-lah dan teliti-lah dengan bersungguh2 hati segala sharahan2 yang akan di-berikan kepada Awang2 dan Dayang2 sekalian."

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf kemudian telah berdo'a sa-moga seminar itu akan mendatangkan buah kebajikan yang munafa'at dan mendatangkan hasil yang menghidupkan dan menyuburkan chita2 bagi menimbulkan kesejahteraan, keamanan dan perasaan saling mengerti di-antara pendudok2 di-seluruh dunia yang sedang kita ikuti pada masa ini.

Pertunjukan Feshen Wanita

BANDAR BRUNEI.—Yang Mulia Datin Zubaidah, isteri Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei telah merasmikan pembukaan Pertunjukan Feshen Wanita di-Dewan P.G.G.M.B., Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada petang hari Ahad yang lalu, di-bawah anjoran Joan's Salon de Beaute.

Di-antara ramai para penonton, lelaki dan perempuan, ia-lah Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber.

Berbagai2 jenis pakaian yang chantek telah di-tunjukkan di-temasha tersebut oleh Dayangku Intan binte Pengiran Haji Apong; Dayang Katherine Loh; Dayang Lulu Ong; Dayang Christine Green dan Dayang Joan Sim.

Dalam pada itu, Awang H.M. Elan, sa-orang ahli lawak-jenaka yang terkenal di-negeri ini, tidak juga ketinggalan menunjokkan dua jenis pakaian wanita di-temasha Pertunjukan Feshen tersebut.

Dua orang kanak2, ia-itu Josephine Heng, berumur sembilan tahun dan Jennifer Jalleh, berumur lima tahun telah memperolehi tepok sorak daripada para penonton pada masa mereka menunjokkan pakaian masing2 di-temasha itu.

Seminar Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI.—Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Seminar Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 25 November, 1966.

Seminar tersebut telah diadakan di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei dengan bantuan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Dayang Virginia M. Burns, Ketua Pegawai Latehan Perkembangan Belia, Majlis Rancangan Antara Bangsa untuk Pemimpin2 Belia dan Pekerja2 Kebajikan dan Kerjasama dari Amerika Sharikat telah memimpin seminar tersebut.

Sa-belum Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf memberikan ucapan dan merasmikan pembukaan Seminar Pemimpin2 Belia tersebut, ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei, Awang H.M. Salleh; Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar dan oleh Pengelola Rancangan Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah.

Majlis itu di-akhiri dengan Bacaan Do'a Selamat oleh Ustaz Mohammad Yusoff 'Azam dan di-turuti dengan menikmati jamuan ringan.

UCHAPAN2 YANG BERFAEDAH

SETIA USAHA KERAJAAN Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan satu ucapan yang di-hargai oleh belia2 sa-belum beliau merasmikan pembukaan Seminar Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei yang telah di-adakan di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei dengan bantuan daripada Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu.

Ucapan2 yang berharga juga telah di-berikan di-Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Pemimpin2 Belia itu oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara Brunei, Awang H.M. Salleh; Yang Di-Pertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar; Pengelola Rancangan Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah dan juga oleh Dayang Virginia M. Burns sa-orang Pegawai Latehan Perkembangan Belia dari Amerika Sharikat.

Dalam ucapan2 itu, beliau2 tersebut telah memberikan berbagai2 nasehat yang berfaedah untuk kemajuan Persatuan2 Belia di-negeri ini.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, ketika berucap di-majlis tersebut berkata bahawa sa-bagai sa-orang bekas penaja Majlis Pemuda Pemudi di-Negeri Brunei ini, beliau sangat megah dan bersyukur kepada Allah kerana "dapat bersama2 melihat kemajuan Majlis Pemuda-i di-Negeri Brunei ini terus berkembang dan menuju ka-arrah kemajuan yang samesti-nya belia2 hadapi dan chitai2. Di-samping perasaan shukor saya ini, saya ingin mengucapkan tahniah saya kepada Pemimpin2 Majlis Pemuda-i Negeri Brunei yang telah berusaha terus dengan tidak menghiraukan masa dan tenaga mereka memajukan Majlis yang mulia ini. Dan saya berseru sa-moga tenaga dan perasaan yang sa-demikian ini yang sudah tertanam di-sanubari sa-tiap pemuda-i di-negeri ini akan terus tumbuh subur dan mendatangkan hasil yang berfaedah kepada negara kita ini....."

Mudah2an seruan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf kepada sa-tiap pemuda-i di-negeri ini akan memperoleh hasil yang amat berfaedah kepada Negeri Brunei.

Pertandingan Bintang Radio Daerah Temburong

BANDAR BRUNEI.—Pertandingan Bintang Radio Peringkat Daerah Temburong yang di-jangka berlangsung pada malam hari Sabtu 26 November, 1966 telah ditangguhkan ka-malam hari Juma'at 2 Disember, 1966.

Pertandingan tersebut

mungkin akan di-adakan di-salah sa-buah pentas yang di-sediakan di-Padang Pekan Bangar. Akan tetapi jika chuacha tidak mengizinkan, maka Pertandingan itu akan di-jalankan di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

PERADUAN RATU ANGGEREK

KAMPONG ANGGEREK DESA. — Satu Peraduan RATU ANGGEREK, ia-itu sa-bagai menggantikan Peraduan Ratu Kebaya, akan di-adakan di-temasha Malam Aneka Warna, Sambutan Akhir Persekolahan, Sekolah Latehan Anggerak Desa, Berakas bertempat di-kawasan sekolah itu pada malam 10 Disember, 1966.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada orang2 dewasa wanita yang tinggal dalam kawasan Kampong Anggerak Desa.

Sharat2 bagi memasoki Peraduan Ratu Anggerak itu ada-lah saperti berikut: (a) Peserta2 hendak-lah memakai baju kebaya. (b) Nama baju (feshen) hendak-lah di-nyatakan dalam borang permohonan. (c) Borang2 permohonan itu hendak-lah di-serahkan tidak lewat dari hari Rabu 30 November, 1966. Peserta2 yang lewat mengirinkan borang2 permohonan mereka dari tarikh tersebut tidak akan di-terima untuk masuk bertanding. (d) Borang2 permohonan hendak-lah di-alamatkan ka-Sekolah Latehan Anggerak Desa, Berakas, Brunei. (e) Keputusan hakim ada-lah muktamad.

Pegawai Sukatan dan Timbangan, Brunei, Awang Ibrahim bin Abdul Hamid telah menghadiahkan sa-buah Perisai Rebutan untuk wanita yang akan menyandang gelaran sa-bagai RATU ANGGEREK pada tahun ini.



Satu pemandangan di-antara para hadirin di-Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan S.M.M.P. Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 25 November, 1966.

PERLAWANAN BOLA JARING ANTARA SEKOLAH2 MELAYU SA-NEGERI BRUNEI

PERLAWANAN bola jaring antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei Bahagian Rendah ia-itu darjah enam ka-bawah: Perlawanan ini ada-lah sa-bahagian daripada ranchangn tahunan, ayng di-ke-lolakan dan di-selenggara-kan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan2 Pemilihan di-tiap2 daerah kerana memi-leh kejohanan, yang akan mema-soki ka-perlawanan pering-kat negeri, yang telah di-ja-lankan baru2 ini ada-lah sa-perti berikut:—

BAHAGIAN BRUNEI II.

1. PADA 16 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 Bahagian Jalan Tutong, bertempat di-gelang-gang Sekolah Melayu Sengkurong.

(a) Sekolah2 yang meny-ertai perlawanan:

- (i) Sekolah Melayu Gadong.
- (ii) Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut.
- (iii) Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas.
- (iv) Sekolah Melayu Sengkurong.

(b) Keputusan perlawanan:

(i) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Bunut dengan pasokan Gadong. Keputusan-nya Pasokan Bunut menang dengan 23 gol berbalas 9 gol.

(ii) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Sengkurong dengan Pasokan Kilanas. Keputusan-nya Pasokan Kilanas menang dengan 17 gol berbalas 3 gol.

(iii) Perlawanan Akhir antara Pasokan Bunut dengan Pasokan Kilanas. Keputusan-nya Pasokan Bunut menang dengan 13 gol berbalas 3 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut menjadi Johan Bola Jaring antara Sekolah2 Melayu Bahagian Jalan Tutong bagi tahun 1966 dan yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas.

2. PADA 17 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 Bahagian Jalan Muara, bertempat di-gelang-gang Maktab Perguruan Melayu Brunei.

(a) Sekolah2 yang meny-ertai perlawanan:

- (i) Sekolah Melayu SUAS Muara.
- (ii) Sekolah Melayu Sungai Hanching.

(iii) Sekolah Melayu Delima I.

(iv) Sekolah Melayu Latehan Anggerek Desa.

(v) Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai, Berakas.

(b) Keputusan perlawanan:

(i) Perlawanan Suku Akhir antara Pasokan Sungai Hanching dengan Pasokan Burong Pingai Berakas. Keputusan-nya Pasokan Sungai Hanching menang dengan 14 gol berbalas 7 gol.

(ii) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Delima I dengan Pasokan Latehan Anggerek Desa. Keputusan-nya Pasokan Delima I menang dengan 5 gol berbalas 1 gol.

(iii) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan SUAS, Muara dengan Pasokan Sungai Hanching. Keputusan-nya Pasokan Sungai Hanching menang dengan 17 gol tidak berbalas.

(iv) Perlawanan Akhir antara Pasokan Sungai Hanching dengan Pasokan Delima I. Keputusan-nya Pasokan Delima I menang dengan 15 gol berbalas 2 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu Delima I menjadi Johan Bola Jaring antara Sekolah2 Melayu Bahagian Jalan Muara bagi tahun 1966 dan yang menjadi Naib Johan pasokan Sekolah Melayu Sungai Hanching.

BAHAGIAN BRUNEI III

PADA 19 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Brunei III, bertempat di-gelang-gang Sekolah Melayu SMJA., Bandar Brunei.

(a) Sekolah2 yang meny-ertai perlawanan:

- (i) Sekolah Melayu Pengkalan Batu.
- (ii) Sekolah Melayu Lumapas.
- (iii) Sekolah Melayu Datu Gandi.
- (iv) Sekolah Melayu Puduk.
- (v) Sekolah Melayu Menunggol.
- (vi) Sekolah Melayu Pulau Berbunut.

(b) Keputusan perlawanan:

(i) Perlawanan Suku Akhir antara Pasokan Pulau Berbunut dengan Pasokan Menunggol. Keputusan-nya Pasokan Pulau Berbunut menang dengan 16 gol berbalas 1 gol.

(ii) Perlawanan Suku Akhir antara Pasokan Lumapas

dengan Pasokan Pengkalan Batu. Keputusan-nya Pasokan Lumapas menang dengan 7 gol berbalas 5 gol.

(iii) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Puduk dengan Pasokan Lumapas. Keputusan-nya Pasokan Puduk menang dengan 8 gol berbalas 7 gol.

(iv) Perlawanan sa-tengah Akhir antara Pasokan Pulau Berbunut dengan Pasokan Datu Gandi. Keputusan-nya Pasokan Pulau Berbunut menang dengan 18 gol tidak berbalas.

(v) Perlawanan Akhir antara Pasokan Puduk dengan Pasokan Pulau Berbunut. Keputusan-nya Pasokan Pulau Berbunut menang dengan 12 gol berbalas 6 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbu-

DI-SUSUN OLEH MD. HUSAIN ZAINAL, PEJABAT PELAJARAN BRUNEI

nut menjadi Johan Bola Jaring antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III, bagi tahun 1966 dan akan menjadi wakil Brunei III masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Puduk.

BAHAGIAN TEMBURONG

PADA 20 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong, bertempat di-gelang-gang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.

(a) Sekolah2 yang meny-ertai perlawanan:

- (i) Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.
- (ii) Sekolah Melayu Belinggos.
- (iii) Sekolah Melayu Puni.

(b) Keputusan perlawanan:

(i) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Puni dengan Pasokan Belinggos. Keputusan-nya Pasokan Puni menang dengan 7 gol berbalas 5 gol.

(ii) Perlawanan Akhir antara Pasokan Sultan Hasan Bangar dengan Pasokan Puni. Keputusan-nya Pasokan Sultan Hasan menang dengan 23 gol berbalas 3 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menjadi Johan Bola Jaring antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong bagi tahun 1966, dan menjadi wakil Sekolah2 Melayu Temburong masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Puni.

BOLA TAMPAR: (Volley Ball)

Perlawanan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Bahagian Rendah ia-itu darjah enam ka-bawah. Perlawanan ini ada-lah sa-bahagian daripada ranchangan tahunan, yang di-ke-lolakan dan di-selenggara-kan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan2 Pemilihan di-tiap2 daerah kerana memi-leh kejohanan yang akan memasoki ka-perlawanan peringkat negeri, yang telah di-ja-lankan baru2 ini ada-lah seperti berikut:—

PADA 16 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Jalan Tutong, bertempat di-Gelanggang Sekolah Melayu Sengkurong.

(a) Sekolah2 yang meny-ertai perlawanan:

- (i) Sekolah Melayu Sengkurong.
- (ii) Sekolah Melayu Gadong.
- (iii) Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas.
- (iv) Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut.

(b) Keputusan perlawanan:

(i) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Bunut dengan Pasokan Gadong. Keputusan-nya Pasokan Gadong menang dengan hetongan mata: 15/11 dan 15/1.

(ii) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Sengkurong dengan Pasokan Kilanas. Keputusan-nya Pasokan Sengkurong menang dengan hetongan mata: 7/15; 15/11 dan 15/4.

(iii) Perlawanan Akhir antara Pasokan Gadong dengan Pasokan Sengkurong. Keputusan-nya Pasokan Gadong menang dengan hetongan mata: 15/11 dan 15/1.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu Gadong menjadi Johan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Bahagian Jalan Tutong bagi tahun 1966, dan yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong.

PADA 17 NOVEMBER, 1966: Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Jalan Muara, bertempat di-gelang-gang Maktab Perguruan Melayu, Brunei.

LIHAT MUKA 7.

JAWATAN KOSONG

Ketua Penterjemah Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari orang2 Melayu untuk memenohi jawatan kosong sebagai Ketua Penterjemah di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN: (a) Lulus Sijil Persekolahan Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat Peringkat Tertinggi (Principal Level) dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya; dan mempunyai pengalaman menterjemah selama sekurang2-nya 10 tahun; atau,

(b) Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya; dan mempunyai pengalaman menterjemah selama sekurang2-nya 15 tahun.

GAJI: Dalam sukatan gaji C3 EB 4 \$930 X 30 — 1050/EB/1080 X 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN: Kontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Disember, 1966.

Jawatan Kosong Sebagai Kerani Tingkat "B"

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani Tingkat 'B' dalam Perkhidmatan Kerani Kerajaan, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan \$210 X 10 — 270 X 15 — 315/EXAM BAR/330 X 15 — 360 X 20 — 480/EB/500 X 20 — 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

KELAYAKAN2: Chalon2

bagi jawatan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris.

SHARAT2 LANTEKAN: Chalon2 yang berjaya yang bukan menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sechara berkontrek atau sechara sa-bulan ka-sa-bulan.

BAKSIS: Chalon2 yang di-lantek sechara berkontrek

akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji mereka bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 10 Disember, 1966.

Perlakuan Bola Jaring Sekolah2 Negeri Brunei

DARI MUKA 6.

(a) Sekolah2 yang menyertai perlakuan:

(i) Sekolah Melayu Latehan Anggerek Desa.

(ii) Sekolah Melayu Delima I.

(iii) Sekolah Melayu Sungai Hanching.

(iv) Sekolah Melayu SUAS., Muara.

(v) Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai Berakas.

(b) Keputusan perlakuan:

(i) Perlakuan Suku Akhir antara Pasokan Latehan Anggerek Desa dengan Pasokan Burong Pingai Berakas. Keputusan-nya Pasokan Latehan Anggerek Desa menang dengan hetongan mata: 15/0 dan 15/3.

(ii) Perlakuan Sa-tengah Akhir antara Pasokan SUAS. Muara dengan Pasokan Delima I. Keputusan-nya Pasokan SUAS. Muara menang dengan hetongan mata: 15/4 dan 15/9.

(iii) Perlakuan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Sungai Hanching dengan Pasokan Latehan Anggerek Desa. Keputusan-nya Pasokan Latehan Anggerek Desa menang dengan hetongan mata: 15/9 dan 15/10.

(iv) Perlakuan Akhir antara Pasokan SUAS. Muara dengan Pasokan Latehan Anggerek Desa. Keputusan-nya Pasokan Latehan Anggerek Desa menang dengan hetongan mata: 15/12 dan 15/6.

Maka dengan keputusan perlakuan itu, Pasokan Sekolah Melayu Latehan Anggerek Desa menjadi Johan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Bahagian Jalan Muara bagi tahun 1966. Yang menjadi Naib Johan ia-lah pasokan Sekolah Melayu SUAS. Muara.

BAHAGIAN BRUNEI III
PADA 19 NOVEMBER, 1966: Perlakuan antara Sekolah2 Melayu Brunei III, bertempat di - gelanggang SMJA., Bandar Brunei.

(a) Sekolah2 yang menyertai perlakuan:

(i) Sekolah Melayu Lumapas.

(ii) Sekolah Melayu Datu Gandi.

(iii) Sekolah Melayu Pengkalan Batu.

(b) Keputusan perlakuan:

(i) Perlakuan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Datu Gandi dengan Pasokan Pengkalan Batu. Keputusan-nya Pasokan Datu Gandi menang dengan hetongan mata: 15/5 dan 15/3.

(ii) Perlakuan Akhir antara Pasokan Lumapas dengan Pasokan Datu Gandi. Keputusan-nya Pasokan Datu Gandi menang dengan hetongan mata: 11/15; 15/9 dan 15/2.

Maka dengan keputusan perlakuan itu, Pasokan Sekolah Melayu Datu Gandi menjadi Johan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Brunei III bagi tahun 1966, dan wakil memasoki ka-Perla-

wanan Peringkat Negeri. Yang menjadi Naib Johan ia-lah pasokan Sekolah Melayu Lumapas.

BAHAGIAN TEMBURONG
PADA 20 NOVEMBER, 1966: Perlakuan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.

(a) Sekolah2 yang menyertai perlakuan:

(i) Sekolah Melayu Amo.

(ii) Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.

(b) Keputusan perlakuan:

Perlakuan antara Pasokan Amo dengan Pasokan Sultan Hasan Bangar. Keputusan-nya Pasokan Sultan Hasan Bangar menang dengan hetongan mata: 15/7 dan 15/0.

Maka dengan keputusan perlakuan itu, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menjadi Johan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong bagi tahun 1966 dan wakil memasoki ka-Perlakuan Peringkat Negeri, dan yang menjadi Naib Johan ia-lah pasokan Sekolah Melayu Amo.



Nadzir Negara, Awang Suni bin Haji Idris kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan hadiah kepada wakil Pasokan Maktab Anthony Abell, Setia yang telah menyandang gelaran sa-bagai Naib Johan dalam Perlakuan Bola Sepak Kumpulan 'A' antara Sekolah2 dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei bagi tahun ini.

*Memandu Kereta Dengan Teliti
Berma'ana
Menjaga Keselamatan Diri Sendiri
Dan Orang Lain Juga*

Usaha Memperbaiki Penggunaan Sumber2 Perikanan Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Jabatan Perikanan telah di-bentok di-Brunei dalam usaha untuk memperbaiki lagi penggunaan sumber2 perikanan di-negeri ini.

Ketika mengumomkan demikian, Pegawai Perikanan Negara, Brunei, Doktor Elmer Birkenmeier menyatakan bahawa kakitangan bagi jabatan tersebut sekarang sedang di-ambil dan jabatan itu akan bekerjasama lebih rapat dengan nelayan2 tempatan dan merancang kemajuan masa depan dalam membuat perhubungan dengan masyarakat kaum nelayan.

Kerana perkembangan itu, akan di-adakan perhatian khas kepada kawasan2 pantai yang sa-jauh ini belum

pernah di-kaji dan untuk mengusahakan-nya tanpa membuat pertandingan dengan chara2 menangkap ikan yang ada sekarang.

KOLAM2 UDANG GALAH

Ia-nya juga membuat ranchangan untuk menggunakan kawasan paya yang penoh dengan bakau di-Telok Brunei untuk membena kolam2 udang galah.


Pengkajian lanjut mengenai pasaran akan di-jalankan dan kemungkinan untuk memperbaiki-nya juga akan di-kaji.

Pegawai Perikanan Negara melaporkan kemudahan2 pasaran yang ada sekarang tidak-lah mencukupi untuk mengendalikan jumlah besar perikanan.

Jabatan Perikanan juga akan membina kembangkan kemungkinannya untuk mengusahakan tiram dan kunau.

Berhubung dengan ikan jenis ayer tawar, maka Jabatan Perikanan berchadang membena sa-buah kolam ikan di-mana perhubungan akan dapat di-jalankan dan bagi mengeluarkan ikan2 yang tertentu.

Ranchangan Kemajuan Perikanan juga ada-lah meliputi membiak udang2 galah. Sementara itu, anak2 udang-nya akan di-bahagikan kepada kaum tani untuk membiakkannya.



Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber telah menyampaikan Colonial Police Medal untuk Jasa Kebaktian yang di-anugerahkan oleh Baginda Queen kepada tiga orang Pegawai2 Kanan Polis Di-Raja Brunei dalam Majlis Jamuan di-Rumah P.J.T. pada malam 28 Nov. Mereka ia-lah Supt. E.M. Reynolds O.C.P.D. Belait (nombor dua dari kanan); Senior Inspektor Abu Zar (hujung kiri) dan Senior Inspektor Mustapha (hujung kanan). Yang Terutama Awang F.D. Webber (kelihatan di-tengah) dan bilangan kedua dari kiri ia-lah Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J.R.H. Burns. — Gambar dengan ehsan Ibu Pejabat Polis Di-Raja Brunei.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

PERADUAN

KASIDAH

BANDAR BRUNEI. — Badan Jawatan Kuasa Malam Memperigati Nudzul Al-Qur'an (turun-nya Al-Qur'an) akan menganjurkan satu Peraduan Kasidah terbuka kepada orang2 dewasa lelaki dan perempuan di-Daerah Brunei/Muara (Penduduk2 yang tinggal di-Daerah Brunei/Muara) dalam bulan Disember, 1966.

SHARAT2 PERADUAN:

1. Peraduan ini terbuka kepada persaorangan (bukan di-atas nama pertubuhan2) sama ada lelaki atau perempuan, bagi Daerah Brunei/Muara sahaja.

2. Peserta2 hendaklah terdiri daripada ra'ayat Negeri Brunei, lelaki berumur 16 tahun ka-atas; perempuan berumur 15 tahun ka-atas.

3. Kasidah2 yang di-kehendak tidak keluar daripada lagu2 — RAKBI — RASH — dan SIKAH. Masa-nya tidak lebih daripada 6 minit hingga 8 minit.

4. Peserta2 yang akan dipertandingkan hanya 6 orang sahaja sama ada lelaki atau perempuan. Jika lebih daripada bilangan yang tersebut akan di-adakan pemilihan pada 6 Disember, 1966 bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei jam 8.30 pagi.

5. Peserta2 hendaklah mengisi Borang2 yang disediakan dan hendaklah di-kembalikan sa-lawat2-nya pada jam 3.00 petang hari Sabtu 3 Disember, 1966 kepada Awang Ali bin Haji Hussein, Pengurus Kasidah Malam Nudzul Al-Qur'an, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.



Gambar ini di-ambil sa-lepas di-langsungkan Pertandingan Membaca Al-Qur'an Sa-Negeri Brunei pada malam 26 November, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Awang Sabtu bin Ahmad, Johan Qari Sa-Negeri Brunei Tahun 1966 dan Dayang Damit binte Mohd. Yusof, Johan Qari'ah Sa-Negeri Brunei Tahun 1966.

MAJLIS PERBINCHANGAN

BANDAR BRUNEI. — Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei akan mengadakan satu Majlis Perbincangan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada jam 8.30 pagi hari Juma'at 2 Disember, 1966.

Tajok Perbincangan:

"Masa'alah buroh terlatah dan sa-tengah terlatah di-Brunei."

Bahan2 Perbincangan disediakan oleh Pesuruhjaya Buroh Negeri Brunei, Yang Mulia Pengiran Bahar Ibnu Al-Marhum Pengiran Shahbandar Anak Hashim.

Peraduan Membacha Al-Qur'an

DARI MUKA 1

yang sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan Ugama Islam dan kepentingan2 serta kebahagiaan ra'ayat negeri ini seluruh-nya "Negeri dan ra'ayat Brunei amat beruntung mempunyai kepala negara seperti tuanku" — demikian beliau menambahkan.

Tizkar kejohanan hadiah dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah di-menangi oleh Awang Sabtu bin Ahmad, wakil dari Daerah Brunei/Muara dengan markahnya 92½%, Naib Johan ia-lah Awang Damit bin Haji Kawang, wakil dari Daerah Brunei/Muara dengan markahnya 89¾% (kelebihan markah — suara dan lagu) dan yang ka-tiga ia-lah Awang Morni bin Sanai wakil dari Daerah Belait dengan markah-nya 89¾%.

Tizkar Kejohanan Bahagian Perempuan, hadiah dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah di-menangi oleh Dayang Damit binte Mohammad Yusof, wakil dari Daerah Brunei/Muara dengan markah-nya 82¾%, Naib Johan ia-lah Dayang Kula binte Haji Ideris, wakil dari Daerah Brunei/Muara dengan markah-nya 82% dan yang ka-tiga ia-lah Dayang Khamsiah binte Hussain, wakil dari Daerah Belait dengan markah-nya 80¼%.

Sa-buah piala bagi Johan Daerah, hadiah dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah di-menangi oleh Daerah Brunei/Muara.

Baginda juga telah menyampaikan Sijil kepada tiap2 Qari dan Qariah yang mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Majlis berakhir dengan baca'an doa selamat oleh Yang Mulia Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei Awang Hj. Mohammad Zain bin Haji Seruddin.